

Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab di USIM, UNISZA dan Pusat Asasi UIAM.

HAIRUN NAJUWAH JAMALI¹
AWATIF ABD RAHMAN²
KU FATAHIYAH KU AZIZAN³

ABSTRAK

Bahasa Arab kini bukan lagi asing dalam masyarakat Islam di Malaysia. Malah penggunaannya juga telah diperluaskan kepada pelbagai bidang kehidupan. Selari dengan peredaran zaman dan arus kemodenan, proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab telah mengalami beberapa evolusi. Daripada teknik pengajaran secara tradisional, pendekatannya telah berubah kepada teknik pengajaran dan pembelajaran secara moden dan terkini. Begitu juga dengan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) di dalam kelas. Penggunaan BBM yang terkini dan menarik seperti penggunaan internet dan kamus elektronik semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dapat membantu pelajar untuk menguasai bahasa Arab. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap tahap penggunaan BBM yang di gunakan oleh pensyarah di dalam kelas. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan teknik soal selidik. Seramai 297 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar USIM, UNISZA dan Pusat Asasi UIAM terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan BBM di dalam kelas masih berada pada tahap yang rendah. Penggunaan BBM yang sesuai adalah penting untuk mewujudkan suasana yang memberangsangkan minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab.

Kata kunci: Bahan bantu mengajar, pengajaran dan pembelajaran, Bahasa Arab

ABSTRACT

Arabic Language is no longer foreign language in the Muslim community in Malaysia. In fact, its use has also been expanded to various areas of life. In line with the passage of time and modernity, the process of teaching and learning Arabic has undergone some evolution. From traditional teaching techniques, has changed its approach to teaching and learning techniques are modern and up to date. Similarly, the use of teaching aids in the classroom. The latest use of teaching aids like internet and electronic dictionaries during teaching and learning in the classroom can help students to master the Arabic language. This study aimed to identify the perception of the level of teaching aids that is used by the lecturer in classroom. This study represents a survey using a questionnaire. A total of 297 respondents consisting of students USIM, UNISZA and Foundation Centre IIUM involved in this study. The findings show that the use of teaching aids in the classroom is still at a low level. Use the appropriate teaching aids is important to create a favorable atmosphere for the students' interest in learning Arabic.

Keywords: Teaching aids, teaching and learning, Arabic Language

¹ Pensyarah, Jabatan Bahasa, Pusat Pengajian Teras, KUIS, hairunnajuwah@kuis.edu.my

² Pensyarah, Jabatan Bahasa, Pusat Pengajian Teras, KUIS, awatif@kuis.edu.my

³ Pensyarah, Jabatan Bahasa, Pusat Pengajian Teras, KUIS, kufatahiyah@kuis.edu.my

Pendahuluan

Bahan Bantu mengajar (BBM) bukanlah perkara baru dalam dunia pendidikan kini. Bahan bantu mengajar merujuk kepada bahan yang berfungsi sebagai penyokong atau pengukuh kepada penyampaian isi oleh guru. Bahan bantu mengajar boleh terdiri daripada apa sahaja peralatan sama ada elektronik atau bukan elektronik. Sebagai contoh guru menggunakan gambar-gambar sebagai bahan bantu untuk memudahkan pelajar memahami isi pelajaran yang bersumberkan petikan bercetak sebagai bahan pengajaran. Proses pengajaran boleh bertambah baik dan efektif dengan menggabungkan kaedah pengajaran moden dan teknologi.

BBM memainkan peranan yang penting dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. BBM merupakan faktor terpenting dalam menentukan kejayaan program pembelajaran, menimbulkan rangsangan keinginan pelajar untuk mengetahui sesuatu dan untuk menjadikan pembelajaran bertambah baik dan lebih menarik (Musa Sulaiman, 2000). Menurut Muhamad Hasan (2000), penggunaan media bertujuan untuk memudahkan guru dan murid berinteraksi atau perhubungan dua hala yang dapat menarik minat penerima untuk bertindak balas. Whitman (1996) pula menyatakan bahawa, penggunaan pelbagai jenis pendekatan pembelajaran boleh membantu untuk memenuhi gaya pembelajaran pelajar yang sememangnya berbeza antara satu sama lain kerana tidak semua pelajar dapat menerima pendekatan pembelajaran yang berbentuk pasif.

Menurut Baharuddin (2000), penggunaan bahan bantu mengajar yang canggih atau yang berbentuk elektronik jarang sekali digunakan memandangkan untuk menghasilkan satu perisian alat bantu mengajar memerlukan masa dan tenaga yang banyak. Berkaitan dengan itu, guru lebih cenderung menggunakan kaedah tutur dan kapur, carta dan poster. Kesannya, pelajar akan berasa cepat bosan dengan kaedah tradisional ini. Menurut hasil dapatan kajian yang diperolehi oleh Nik Mohd Rahimi et.al (2008), penggunaan bahan bantu mengajar yang berbentuk elektronik seperti radio kaset, televisyen, filem bahasa Arab dan komputer dalam proses P&P bahasa Arab menunjukkan tidak kerap digunakan. Manakala kajian yang telah dijalankan oleh Rahimi Md. Saad et.al (2005) juga menunjukkan pembelajaran melalui laman web iaitu bahan elektronik mampu menarik minat pelajar di samping memberi keberkesanan dalam sesuatu mata pelajaran.

Penggunaan bahan bantu mengajar yang kurang semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di kalangan guru menyebabkan suasana pembelajaran menjadi hambar dan pelajar kurang berminat untuk belajar seterusnya menghadapi masalah dalam menguasai Bahasa Arab. Bahan bantu mengajar ini bukan hanya dianggap sebagai bahan yang membantu pengajaran guru, malahan juga sebagai bahan penyalur maklumat kepada pelajar. Selain itu, bahan bantu mengajar juga dianggap sebahagian daripada proses P&P kerana membantu dan mempercepatkan proses pemahaman pelajar yang bersifat abstrak melalui bahan konkrit.

Latar Belakang

Mok Soon Sang *et al.* (1998) mendefinisikan BBM sebagai alat atau perkakasan yang digunakan oleh guru untuk membantu dalam penyampaian pengajaran dalam bilik darjah dan membantu pelajar belajar dengan lebih berkesan dan menarik. Menurut Mohd Musa (2011), ciri-ciri BBM yang baik ialah menarik dan berwarna-warni, memerlukan kos yang rendah, jelas dan mudah dilihat, kemas dan bersih, grafik dan tulisan yang bersesuaian, boleh digunakan berkali-kali dan tahan lama, realistik dan mudah difahami, kontras warna yang

sesuai dan mudah digunakan. Manakala, ciri-ciri BBM yang kurang baik ialah warna yang pudar dan tidak menarik, menggunakan grafik dan tulisan yang kecil, terlalu kompleks ataupun padat dengan grafik dan tulisan, kontras warna yang tidak sesuai, sukar difahami dan tidak jelas, susunan isi kandungan yang tidak teratur, terlalu kecil dan tidak kemas, tidak tahan lama dan sukar digunakan.

Penggunaan bahan bantu mengajar bukan sahaja memberikan manfaat kepada pelajar, bahkan kepada guru itu sendiri. Ketika proses penyediaan bahan, guru perlu menjalani pelbagai kajian sekaligus mendapat pelbagai maklumat tambahan yang berguna kepada diri mereka di samping dapat meningkatkan pengetahuan dan persediaan terhadap sesuatu topik pengajaran yang akan diajari. Justeru, pengajaran akan menjadi lebih berkesan. Sewaktu proses penghasilan BBM itu, dapatan-dapatan kajian dan kajian yang dilakukan dapat dijadikan dasar dan idea untuk memilih jenis-jenis BBM yang sesuai dan menentukan aktiviti yang lebih kreatif dan menarik (Shaharom & Nur Faizah, 2010).

BBM boleh dibahagikan kepada tiga kategori yang terdiri daripada pelbagai jenis iaitu BBM mengajar bukan elektronik, bahan bantu mengajar elektronik, bahan-bahan bercorak pengalaman dan bahan sebenar. Contoh BBM bukan elektronik ialah papan hitam atau papan tulis, buku teks, papan pameran atau papan bulletin. Semua BBM ini merupakan sumber pengajaran yang produktif dan dapat memperkenalkan idea baru, memberi maklumat, member kefahaman, memperkayakan perbendaharaan kata, merangsang perbincangan, menimbulkan daya kreativiti, membentuk sikap dan nilai serta menambah pengekalan pembelajaran seseorang pelajar. Contoh BBM berbentuk elektronik ialah *Overhead Projector* (OHP), transparenasi OHP, pita slaid (filem slaid), radio, televisyen dan VCR (Video Cassete and Recorder), alat rakaman, tayangan filem dan komputer. Contoh bahan-bahan bercorak pengalaman adalah seperti lakonan, pantomin, lawatan dan projek pameran (Mohd Musa, 2011).

Dari aspek penggunaan BBM seperti media, kemahiran bahasa Arab akan lebih berkesan dan efektif jika alatan seperti pita rakaman, slide video, persembahan *power point* dan lain-lain digunakan. Melalui alat bantu ini, isi pengajaran seperti sebutan huruf, cara pengucapan kalimah, makhraj huruf dan sebagainya dapat disampaikan dengan pelbagai variasi. Menurut Heinch, Molenda, Russel (1996) jenis alat bantu yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar iaitu media projek seperti *projector slide*, OHP (*Overhead Projector*), media audio, media gerak, media komputer, komputer multimedia, hipermedia, media jarak jauh dan media elektronik seperti pita rakaman, television, *video tape*, makmal bahasa dan sebagainya (Chaedar 2011).

Menurut Iskandar dan Zaitun (2006), terdapat banyak maklumat yang dapat diperoleh daripada BBM elektronik dalam internet seperti portal pendidikan, ensiklopedia, kamus interaktif, multimedia dan banyak lagi. BBM mengajar yang menarik, bersesuaian dengan tahap kebolehan perkembangan intelek murid semasa merencanakan isi pelajaran dapat merangsangkan minat murid dan bermotivasi untuk terus belajar. Menurut Amir Hasan (2002), dalam sebuah bilik darjah, setiap individu mempunyai psikologi dan kebolehan intelek yang berbeza antara satu sama lain. Lantaran itu pengajaran yang dirancang perlu sesuai, disusun (mengikut tahap pelajar) dan disokong (dengan alat bantu mengajar) bagi merangsang perkembangan potensi individu ke tahap yang maksimum.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk :

1. Mengenal pasti tahap penggunaan bahan bantu mengajar elektronik dan bukan elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di USIM.
2. Mengenal pasti tahap penggunaan bahan bantu mengajar elektronik dan bukan elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di UNISZA.
3. Mengenal pasti tahap penggunaan bahan bantu mengajar elektronik dan bukan elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Pusat Asasi UIAM.

Persoalan Kajian:

Berdasarkan objektif kajian, maka tiga persoalan kajian dibina seperti berikut:

1. Apakah tahap penggunaan bahan bantu mengajar elektronik dan bukan elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di USIM?
2. Apakah tahap penggunaan bahan bantu mengajar elektronik dan bukan elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di UNISZA?
3. Apakah tahap penggunaan bahan bantu mengajar dalam elektronik dan bukan elektronik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Pusat Asasi UIAM?

Metodologi

Reka bentuk kajian ini berupa kajian berbentuk tinjauan secara deskriptif. Menurut Mohd Majid Konting (2005), kajian deskriptif merupakan kajian yang bertujuan menerangkan suatu keadaan yang berlaku. Ini bertepatan dengan kajian ini, iaitu untuk mengenal pasti tahap penggunaan bahan bantu mengajar elektronik dan bukan elektronik dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Data kajian dikumpulkan, diproses serta dianalisis dengan menggunakan “*Statistical Package for the Social Sciences*” (SPSS) versi 18.0. Hasil kajian dibentangkan dalam bentuk deskriptif, iaitu frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Responden kajian terdiri daripada pelajar-pelajar yang sedang mengambil kursus bahasa Arab di UNISZA, USIM dan Pusat Asasi UIAM. Pemilihan sampel adalah berdasarkan pensampelan rawak mudah. Pengumpulan data adalah menggunakan instrumen soal selidik. Soal selidik ini terbahagi kepada 3 bahagian. Bahagian A ialah mengenai maklumat diri responden, bahagian B ialah penggunaan BBM bukan elektronik dan bahagian C ialah BBM elektronik.

Dapatan Kajian

Berikut adalah maklumat profil responden kajian. Jadual 1 menunjukkan jumlah responden mengikut universiti. Seramai 85 orang pelajar UNISZA, 99 orang pelajar USIM dan 113 orang pelajar Pusat Asasi UIAM terlibat dalam kajian ini.

Jadual 1 **Institusi Pengajian Tinggi**

| Pemboleh ubah | Frekuensi | Peratusan (%) |
|----------------------|------------------|----------------------|
| UNISZA | 85 | 28.6 |
| USIM | 99 | 33.3 |
| Pusat Asasi UIAM | 113 | 38.0 |
| Jumlah | 297 | 100.0 |

Jadual 2 pula menunjukkan jantina pelajar. Seramai 95 orang pelajar lelaki dan 202 orang pelajar perempuan yang merangkumi ketiga-tiga institusi terlibat dalam kajian ini.

Jadual 2 **Jantina**

| Pemboleh ubah | Frekuensi | Peratusan (%) |
|----------------------|------------------|----------------------|
| Lelaki | 95 | 32.0 |
| Perempuan | 202 | 68.0 |

Manakala bagi tahun pengajian pula, hanya pelajar tahun satu dan dua sahaja yang terlibat. Berdasarkan jadual 3, daripada keseluruhan jumlah responden, seramai 281 orang pelajar ialah pelajar tahun satu dan 16 orang ialah pelajar tahun dua.

Jadual 3 **Tahun Pengajian**

| Pemboleh ubah | Frekuensi | Peratusan (%) |
|----------------------|------------------|----------------------|
| Tahun 1 | 281 | 94.6 |
| Tahun 2 | 16 | 5.4 |

Jadual 4 merupakan interpretasi julat skor min menurut Alias (1999). Terdapat 5 tahap skor min yang telah ditetapkan bagi semua item yang dikaji berdasarkan skor min iaitu 1.00 hingga 1.80 berada pada tahap sangat rendah, 1.81 hingga 2.60 berada pada tahap rendah, 2.61 hingga 3.40 berada pada tahap sederhana, 3.41 hingga 4.20 berada pada tahap tinggi dan 4.21 hingga 5.00 berada pada tahap sangat tinggi.

Jadual 4 **Interpretasi Julat Skor Min**

| Julat | Tahap Skor Min |
|--------------|-----------------------|
| 1.00 – 1.80 | Sangat Rendah |
| 1.81 – 2.60 | Rendah |
| 2.61 – 3.40 | Sederhana |
| 3.41 – 4.20 | Tinggi |
| 4.21 – 5.00 | Sangat Tinggi |

Jadual 5 menunjukkan dapatan penggunaan BBM bukan elektronik yang kerap digunakan di UNISZA. Daripada 14 jenis BBM bukan elektronik yang disenaraikan, hanya terdapat satu BBM yang mencatatkan tahap penggunaan yang sangat tinggi iaitu kamus (min=4.24). Penggunaan buku teks (min=3.49), buku kerja (min=3.89) dan papan tulis (min=1.72) pula berada pada tahap yang tinggi. Nota edaran berada pada tahap yang sederhana (min=2.80). Penggunaan Al-Quran pula berada pada tahap yang rendah (min= 1.98). Manakala 8 lagi BBM iaitu gambar (min= 1.72), kad imbasan (min=1.11), kad manila (min=1.24), kertas mahjung (min=1.32), papan gulung (min=1.05), akhbar harian/majalah (min=1.25), bahan

Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab di USIM, UNISZA dan Pusat Asasi UIAM

e-ISSN : 2289-8042

Hairun Najuwah Jamali

Vol 2: Bil 1: Tahun 2015

maujud (min=1.44) dan kad carta (min=1.09) berada pada tahap yang sangat rendah. Min keseluruhan bagi tahap penggunaan BBM bukan elektronik yang digunakan di UNISZA ialah berada pada tahap yang rendah (min=2.18).

Jadual 5 Frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi tahap penggunaan

BBM bukan elektronik di UNISZA

| ABM/BBM Bukan Elektronik | UNISZA | | | | | Min | Sisihan Piawai | Tahap |
|--------------------------------|---------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|------------------------------|-------------|-------------------|------------------|
| | TP | 1-2 Kali/ Semester | 3-4 Kali/ Semester | 5-6 Kali/ Semester | Lebih 7 Kali/ Semester | | | |
| Al-Quran | 43 (50.6%) | 22 (25.9%) | 9 (10.6%) | 1 (1.2%) | 10 (11.8%) | 1.98 | 1.32 | Rendah |
| Buku Teks | 21 (24.7%) | 12 (14.1%) | 3 (3.5%) | 2 (2.4%) | 47 (55.3%) | 3.49 | 1.78 | Tinggi |
| Buku kerja | 11 (12.9%) | 14 (16.5%) | 3 (3.5%) | 2 (2.4%) | 55 (64.7%) | 3.89 | 1.59 | Tinggi |
| Gambar | 52 (61.2%) | 19 (22.4%) | 4 (4.7%) | 6 (7.1%) | 4 (4.7%) | 1.72 | 1.14 | Sangat Rendah |
| Kad imbasan | 79 (92.9%) | 3 (3.5%) | 3 (3.5%) | - | - | 1.11 | 0.41 | Sangat Rendah |
| Kad Manila | 74 (87.1%) | 7 (8.2%) | 1 (1.2%) | 1 (1.2%) | 2 (2.4%) | 1.24 | 0.75 | Sangat Rendah |
| Papan tulis | 9 (10.6%) | 15 (17.6%) | 3 (3.5%) | - | 58 (68.2%) | 3.98 | 1.55 | Tinggi |
| Kertas mahjong | 69 (81.2%) | 11 (12.9%) | 1 (1.2%) | 2 (2.4%) | 2 (2.4%) | 1.32 | 0.82 | Sangat Rendah |
| Papan gulung | 82 (96.5%) | 2 (2.4%) | 1 (1.2%) | - | - | 1.05 | 0.26 | Sangat Rendah |
| Akhbar harian / Majalah | 71 (83.5%) | 9 (10.6%) | 4 (4.7%) | - | 1 (1.2%) | 1.25 | 0.65 | Sangat Rendah |
| Bahan maujud/Hidup | 67 (78.8%) | 10 (11.8%) | 2 (2.4%) | 1 (1.2%) | 5 (5.9%) | 1.44 | 1.04 | Sangat Rendah |
| Kad carta | 79 (92.9%) | 5 (5.9%) | - | 1 (1.2%) | - | 1.09 | 0.40 | Sangat Rendah |
| Nota edaran / bercetak | 34 (40.0%) | 10 (11.8%) | 7 (8.2%) | 7 (8.2%) | 27 (31.8%) | 2.80 | 1.75 | Sederhana |
| Kamus | - | 16 (18.8%) | 6 (7.1%) | 5 (5.9%) | 58 (68.2%) | 4.24 | 1.21 | Sangat Tinggi |
| Min Keseluruhan | | | | | | 2.18 | 0.49 | Rendah |

Jadual 6 menunjukkan frekuensi dan min tahap penggunaan BBM bukan elektronik yang digunakan di USIM. Penggunaan kamus berada pada tahap yang sangat tinggi iaitu (min=4.45). Penggunaan buku teks (min=4.10), buku kerja (min=4.08) dan papan tulis

(min=3.93) berada pada tahap yang tinggi. Penggunaan Al-Quran (min=2.96) dan gambar (min=2.72) berada pada tahap yang sederhana. Kad manila (min=1.83), kertas mahjung (min=2.49), bahan maujud (min=1.81) dan nota edaran/bercetak (min=2.59) berada pada tahap yang rendah. Manakala kad imbasan (min=1.70), papan gulung (min=1.58), akhbar harian/majalah (min=1.16), dan kad carta (min=1.45) berada pada tahap yang sangat rendah. Min keseluruhan bagi penggunaan BBM bukan elektronik di USIM berada pada tahap yang sederhana (min=2.68).

Jadual 6 Frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi tahap penggunaan BBM bukan elektronik di USIM

| ABM/BBM Bukan Elektronik | USIM | | | | | Min | Sisihan Piawai | Tahap |
|--------------------------|---------------|-------------------|-------------------|-------------------|-----------------------|-------------|----------------|------------------|
| | TP | 1-2 Kali/Semester | 3-4 Kali/Semester | 5-6 Kali/Semester | Lebih 7 Kali/Semester | | | |
| Al-Quran | 28 (28.3%) | 20 (20.2%) | 8 (8.1%) | 14 (14.1%) | 29 (29.3%) | 2.96 | 1.64 | Sederhana |
| Buku Teks | 11 (11.1%) | 8 (8.1%) | 3 (3.0%) | 15 (15.2%) | 62 (62.6%) | 4.10 | 1.41 | Tinggi |
| Buku kerja | 7 (7.1%) | 14 (14.1%) | 1 (1.0%) | 19 (19.2%) | 58 (58.6) | 4.08 | 1.35 | Tinggi |
| Gambar | 30 (30.3%) | 19 (19.2%) | 18 (18.2%) | 13 (13.1%) | 19 (19.2%) | 2.72 | 1.50 | Sederhana |
| Kad imbasan | 72 (72.7%) | 7 (7.1%) | 6 (6.1%) | 6 (6.1%) | 8 (8.1%) | 1.70 | 1.30 | Sangat Rendah |
| Kad Manila | 59 (59.6%) | 20 (20.2%) | 5 (5.1%) | 8 (8.1%) | 7 (7.1%) | 1.83 | 1.26 | Rendah |
| Papan tulis | 11 (11.1%) | 14 (14.1%) | 3 (3.0%) | 14 (14.1%) | 57 (57.6%) | 3.93 | 1.48 | Tinggi |
| Kertas mahjung | 41 (41.4%) | 16 (16.2%) | 11 (11.1%) | 14 (14.1%) | 17 (17.2%) | 2.49 | 1.55 | Rendah |
| Papan gulung | 71 (71.7%) | 12 (12.1%) | 6 (6.1%) | 7 (7.1%) | 3 (3.0%) | 1.58 | 1.08 | Sangat Rendah |
| Akhbar harian / Majalah | 56 (56.6%) | 24 (24.2%) | 7 (7.1%) | 7 (7.1%) | 5 (5.1%) | 1.80 | 1.16 | Sangat Rendah |
| Bahan maujud/Hidup | 61 (61.6%) | 14 (14.1%) | 12 (12.1%) | 6 (6.1%) | 6 (6.1%) | 1.81 | 1.23 | Rendah |
| Kad carta | 76 (76.8%) | 12 (12.1%) | 4 (4.0%) | 3 (3.0%) | 4 (4.0%) | 1.45 | 1.00 | Sangat Rendah |
| Nota edaran / bercetak | 34 (34.3%) | 18 (18.2%) | 15 (15.2%) | 19 (19.2%) | 13 (13.1%) | 2.59 | 1.46 | Rendah |
| Kamus | 3 (3.0%) | 8 (8.1%) | 6 (6.1%) | 6 (6.1%) | 76 (76.8%) | 4.45 | 1.11 | Sangat Tinggi |
| Min Keseluruhan | | | | | | 2.68 | 0.70 | Sederhana |

Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab di USIM, UNISZA dan Pusat Asasi UIAM

e-ISSN : 2289-8042

Hairun Najuwah Jamali

Vol 2: Bil 1: Tahun 2015

Jadual 7 menunjukkan frekuensi dan min tahap penggunaan BBM bukan elektronik di Pusat Asasi UIAM. Penggunaan buku teks (min=4.58), buku kerja (min=4.31), papan tulis (min=4.56) dan kamus (min=4.42) berada pada tahap yang sangat tinggi. Penggunaan Al-Quran (min=2.74), gambar (min=3.27), nota edaran/bercetak (min=3.20) berada pada tahap sederhana. Manakala kad imbasan (min=1.66), kad manila (min=1.57), kertas mahjung (min=1.52), papan gulung (min=1.19), akhbar harian/majalah (min=1.33), bahan maujud (min=1.71) dan kad carta (min=1.56) berada pada tahap yang sangat rendah. Min keseluruhan bagi penggunaan BBM bukan elektronik di Pusat Asasi UIAM ialah berada pada tahap yang sederhana (min=2.69).

Jadual 7 Frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi tahap penggunaan

BBM bukan elektronik di Pusat Asasi UIAM

| ABM/BBM Bukan Elektronik | Pusat Asasi UIAM | | | | | Min | Sisihan Piawai | Tahap |
|----------------------------|------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|------------------------------|------|----------------|---------------|
| | TP | 1-2 Kali/ Semester | 3-4 Kali/ Semester | 5-6 Kali/ Semester | Lebih 7 Kali/ Semester | | | |
| Al-Quran | 39 (34.5%) | 15 (13.3%) | 22 (19.5%) | 10 (8.8%) | 27 (23.9%) | 2.74 | 1.59 | Sederhana |
| Buku Teks | 7 (6.2%) | 3 (2.7%) | 4 (3.5%) | 2 (1.8%) | 97 (85.8%) | 4.58 | 1.11 | Sangat Tinggi |
| Buku kerja | 10 (8.8%) | 7 (6.2%) | 5 (4.4%) | 7 (6.2%) | 84 (74.3%) | 4.31 | 1.32 | Sangat Tinggi |
| Gambar | 18 (15.9%) | 21 (18.6%) | 22 (19.5%) | 17 (15.0%) | 35 (31.0%) | 3.27 | 1.47 | Sederhana |
| Kad imbasan | 79 (69.9%) | 10 (8.8%) | 12 (10.6%) | 7 (6.2%) | 5 (4.4%) | 1.66 | 1.16 | Sangat Rendah |
| Kad Manila | 80 (70.8%) | 15 (13.3%) | 9 (8.0%) | 5 (4.4%) | 4 (3.5%) | 1.57 | 1.05 | Sangat Rendah |
| Papan tulis | 3 (2.7%) | 7 (6.2%) | 5 (4.4%) | 7 (6.2%) | 91 (80.5%) | 4.56 | 1.02 | Sangat Tinggi |
| Kertas mahjung | 82 (72.6%) | 12 (10.6%) | 12 (10.6%) | 5 (4.4%) | 2 (1.8%) | 1.52 | 0.97 | Sangat Rendah |
| Papan gulung | 100 (88.5%) | 8 (7.1%) | 3 (2.7%) | 1 (0.9%) | 1 (0.9%) | 1.19 | 0.61 | Sangat Rendah |
| Akhbar harian / Majalah | 94 (83.2%) | 8 (7.1%) | 7 (6.2%) | 1 (0.9%) | 3 (2.7%) | 1.33 | 0.85 | Sangat Rendah |
| Bahan maujud/Hidup | 76 (67.3%) | 15 (13.3%) | 9 (8.0%) | 5 (4.4%) | 8 (7.1%) | 1.71 | 1.22 | Sangat Rendah |
| Kad carta | 85 (75.2%) | 9 (8.0%) | 10 (8.8%) | 2 (1.8%) | 7 (6.2%) | 1.56 | 1.13 | Sangat Rendah |
| Nota edaran / bercetak | 34 (30.1%) | 13 (11.5%) | 7(6.2%) | 14 (12.4%) | 45 (39.8%) | 3.20 | 1.74 | Sederhana |
| Kamus | 5 (4.4%) | 10 (8.8%) | 5 (4.4%) | 5 (4.4%) | 88 (77.9%) | 4.42 | 1.19 | Sangat Tinggi |

| | | | |
|------------------------|-------------|-------------|------------------|
| Min Keseluruhan | 2.69 | 0.51 | Sederhana |
|------------------------|-------------|-------------|------------------|

Jadual 8 menunjukkan frekuensi dan min bagi tahap penggunaan BBM elektronik yang digunakan di UNISZA. Dapatan menunjukkan tahap penggunaan kesemua senarai 12 jenis bahan bantu mengajar elektronik ialah berada pada tahap yang sangat rendah. Oleh itu, min keseluruhannya juga ialah berada pada tahap yang sangat rendah iaitu (min= 1.31).

Jadual 8 Frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi tahap penggunaan BBM elektronik di UNISZA

| ABM/BBM Elektronik | UNISZA | | | | | Min | Sisihan Piawai | Tahap |
|---------------------------------|---------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|------------------------------|-------------|----------------|----------------------|
| | TP | 1-2 Kali/ Semester | 3-4 Kali/ Semester | 5-6 Kali/ Semester | Lebih 7 Kali/ Semester | | | |
| Radio | 74 (87.1%) | 8 (9.4%) | 1 (1.2%) | - | 2 (2.4%) | 1.21 | 0.69 | Sangat Rendah |
| Kaset rakaman B. Arab | 69 (81.2%) | 12 (14.1%) | 2 (2.4%) | - | 2 (2.4%) | 1.28 | 0.73 | Sangat Rendah |
| Televisyen | 83 (97.6%) | 1 (1.2%) | - | - | 1 (1.2%) | 1.06 | 0.45 | Sangat Rendah |
| Filem Bahasa Arab | 77 (90.6%) | 6 (7.1%) | - | 2 (2.4%) | - | 1.14 | 0.52 | Sangat Rendah |
| Komputer | 68 (80.0%) | 6 (7.1%) | 6 (7.1%) | 1 (1.2%) | 4 (4.7%) | 1.44 | 1.02 | Sangat Rendah |
| Perisian Bahasa Arab (Software) | 73 (85.9%) | 6 (7.1%) | 4 (4.7%) | - | 2 (2.4%) | 1.26 | 0.76 | Sangat Rendah |
| Jaringan internet | 57 (67.1%) | 14 (16.5%) | 4 (4.7%) | 1 (1.2%) | 9 (10.6%) | 1.72 | 1.29 | Sangat Rendah |
| LCD | 62 (72.9%) | 14 (16.5%) | 5 (5.9%) | 2 (2.4%) | 2 (2.4%) | 1.45 | 0.89 | Sangat Rendah |
| Makmal/Bilik Bahasa | 68 (80.0%) | 9 (10.6%) | 3 (3.5%) | 2 (2.4%) | 3 (3.5%) | 1.39 | 0.94 | Sangat Rendah |
| OHP / Virtualiser | 83 (97.6%) | 2 (2.4%) | - | - | - | 1.02 | 0.15 | Sangat Rendah |
| Laman Sesawang (web) | 61 (71.8%) | 11 (12.9%) | 3 (3.5%) | 2 (2.4%) | 8 (9.4%) | 1.65 | 1.26 | Sangat Rendah |
| Blog | 81 (95.3%) | 3 (3.5%) | 1 (1.2%) | - | - | 1.06 | 0.28 | Sangat Rendah |
| Min Keseluruhan | | | | | | 1.31 | 0.44 | Sangat Rendah |

Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab di USIM, UNISZA dan Pusat Asasi UIAM

e-ISSN : 2289-8042

Hairun Najuwah Jamali

Vol 2: Bil 1: Tahun 2015

Jadual 9 menunjukkan frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi tahap penggunaan BBM elektronik di USIM. Penggunaan radio (min=2.10), kaset rakaman bahasa Arab (min=3.32), komputer (min=3.28) dan jaringan internet (min=2.65) berada pada tahap sederhana. Tahap penggunaan filem bahasa arab (min=1.99), perisian bahasa Arab (min=2.13), LCD (min=2.39) dan laman sesawang (min=2.53) berada pada tahap yang rendah. Manakala penggunaan televisyen (min=1.61), makmal/bilik bahasa (min= 1.78), OHP/ Virtualiser (min=1.59) dan blog (min=1.58) berada pada tahap yang sangat rendah. Min keseluruhan bagi penggunaan BBM elektronik di USIM ialah berada pada tahap yang rendah iaitu (min=2.29).

Jadual 9 Frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi tahap penggunaan
BBM elektronik di USIM

| ABM/BBM Elektronik | USIM | | | | | Min | Sisihan Piawai | Tahap |
|------------------------------------|---------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|------------------------------|-------------|----------------|------------------|
| | TP | 1-2 Kali/ Semester | 3-4 Kali/ Semester | 5-6 Kali/ Semester | Lebih 7 Kali/ Semester | | | |
| Radio | 38 (38.4%) | 15 (15.2%) | 8 (8.1%) | 15 (15.2%) | 23 (23.2%) | 2.70 | 1.64 | Sederhana |
| Kaset rakaman B. Arab | 24 (24.2%) | 11 (11.1%) | 7 (7.1%) | 23 (23.2%) | 34 (34.3%) | 3.32 | 1.62 | Sederhana |
| Televisyen | 66 (66.7%) | 19 (19.2%) | 6 (6.1%) | 3 (3.0%) | 5 (5.1%) | 1.61 | 1.08 | Sangat Rendah |
| Filem Bahasa Arab | 40 (40.4%) | 41 (41.4%) | 5 (5.1%) | 5 (5.1%) | 8 (8.1%) | 1.99 | 1.18 | Rendah |
| Komputer | 20 (20.2%) | 17 (17.2%) | 14 (14.1%) | 11 (11.1%) | 37 (37.4%) | 3.28 | 1.59 | Sederhana |
| Perisian Bahasa Arab (Software) | 56 (56.6%) | 11 (11.1%) | 9 (9.1%) | 9 (9.1%) | 14 (14.1%) | 2.13 | 1.52 | Rendah |
| Jaringan internet | 39 (39.4%) | 14 (14.1%) | 11 (11.1%) | 13 (13.1%) | 22 (22.2%) | 2.65 | 1.63 | Sederhana |
| LCD | 45 (45.5%) | 14 (14.1%) | 10 (10.1%) | 16 (16.2%) | 14 (14.1%) | 2.39 | 1.53 | Rendah |
| Makmal/Bilik Bahasa | 64 (64.6%) | 15 (15.2%) | 6 (6.1%) | 6 (6.1%) | 8 (8.1%) | 1.78 | 1.28 | Sangat Rendah |
| OHP / Virtualiser | 73 (73.7%) | 10 (10.1%) | 5 (5.1%) | 6 (6.1%) | 5 (5.1%) | 1.59 | 1.15 | Sangat Rendah |
| Laman Sesawang (web) | 41 (41.4%) | 17 (17.2%) | 11 (11.1%) | 8 (8.1%) | 22 (22.2%) | 2.53 | 1.61 | Rendah |
| Blog | 71 (71.7%) | 16 (16.2%) | 1 (1.0%) | 5 (5.1%) | 6 (6.1%) | 1.58 | 1.14 | Sangat Rendah |
| Min Keseluruhan | | | | | | 2.29 | 0.88 | Rendah |

Jadual 10 menunjukkan tahap penggunaan BBM elektronik di Pusat Asasi UIAM. Penggunaan komputer (min=2.31), perisian bahasa Arab (min=2.20), jaringan internet (min=2.35), laman sesawang (min=2.51) berada pada tahap yang rendah. Manakala penggunaan BBM seperti radio (min=1.19), kaset rakaman bahasa Arab (min=1.17), televisyen (min=1.07), filem bahasa arab (min=1.14), LCD (min=1.62), makmal/bilik bahasa (min=1.28), OHP/Virtualiser (min=1.16) dan blog (min=1.24) berada pada tahap yang sangat rendah. Min keseluruhan tahap penggunaan BBM elektronik di Pusat Asasi UIAM ialah sangat rendah iaitu (min=1.60).

Jadual 10 Frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi tahap penggunaan BBM elektronik di Pusat Asasi UIAM

| ABM/BBM Elektronik | Pusat Asasi UIAM | | | | | Min | Sisihan Piawai | Tahap |
|---------------------------------|------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------------|------------------------------|-------------|----------------|----------------------|
| | TP | 1-2 Kali/ Semester | 3-4 Kali/ Semester | 5-6 Kali/ Semester | Lebih 7 Kali/ Semester | | | |
| Radio | 97 (85.8%) | 13 (11.5%) | 2 (1.8%) | - | 1 (0.9%) | 1.19 | 0.54 | Sangat Rendah |
| Kaset rakaman B. Arab | 96 (85.0%) | 15 (13.3%) | 2 (1.8%) | - | - | 1.17 | 0.42 | Sangat Rendah |
| Televisyen | 107 (94.7%) | 4 (3.5%) | 2 (1.8%) | - | - | 1.07 | 0.32 | Sangat Rendah |
| Filem Bahasa Arab | 104 (92.0%) | 4 (3.5%) | 4 (3.5%) | - | 1 (0.9%) | 1.14 | 0.55 | Sangat Rendah |
| Komputer | 38 (33.6%) | 39 (34.5%) | 16 (14.2%) | 3 (2.7%) | 17 (15.0%) | 2.31 | 1.36 | Rendah |
| Perisian Bahasa Arab (Software) | 48 (42.5%) | 33 (29.2%) | 9 (8.0%) | 7 (6.2%) | 16 (14.2%) | 2.20 | 1.42 | Rendah |
| Jaringan internet | 42 (37.2%) | 32 (28.3%) | 14 (12.4%) | 8 (7.1%) | 17 (15.0%) | 2.35 | 1.43 | Rendah |
| LCD | 74 (65.5%) | 19 (16.8%) | 13 (11.5%) | 3 (2.7%) | 4 (3.5%) | 1.62 | 1.03 | Sangat Rendah |
| Makmal/Bilik Bahasa | 94 (83.2%) | 12 (10.6%) | 4 (3.5%) | - | 3 (2.7%) | 1.28 | 0.77 | Sangat Rendah |
| OHP / Virtualiser | 97 (85.8%) | 15 (13.3%) | - | 1 (0.9%) | - | 1.16 | 0.43 | Sangat Rendah |
| Laman Sesawang (web) | 44 (38.9%) | 25 (22.1%) | 12 (10.6%) | 6 (5.3%) | 26 (23.0%) | 2.51 | 1.59 | Rendah |
| Blog | 102 (90.3%) | 4 (3.5%) | 2 (1.8%) | 1 (0.9%) | 4 (3.5%) | 1.24 | 0.84 | Sangat Rendah |
| Min Keseluruhan | | | | | | 1.60 | 0.55 | Sangat Rendah |

Perbincangan Dan Implikasi Kajian

Hasil daripada kajian ini, didapati bahawa penggunaan BBM bukan elektronik di UNISZA berada pada tahap yang rendah manakala tahap penggunaannya di USIM dan Pusat Asasi UIAM berada pada tahap yang sederhana. Manakala bagi penggunaan BBM elektronik di USIM adalah rendah manakala tahap penggunaannya di UNISZA dan Pusat Asasi UIAM pula berada pada tahap yang sangat rendah. Dapatan ini selari dengan kajian Rosni (2012) yang mendapati bahawa alat bantu mengajar yang selalu digunakan oleh guru ialah papan putih atau hitam sahaja bagi menjelas dan menghuraikan subjek yang diajar. Penggunaan makmal bahasa untuk meningkatkan penguasaan bahasa kurang digunakan. Begitu juga alat-alat ICT bantu mengajar yang lain. Menurut Mohd Fazreen (2003), pembelajaran yang dijalankan oleh guru dengan hanya menggunakan buku teks sebagai bahan pelajaran boleh menimbulkan suasana hambar dan seterusnya menimbulkan kebosanan di kalangan pelajar.

Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan BBM elektronik di institusi yang terlibat berada pada tahap yang sangat rendah atau penggunaan yang minimum. Sedangkan, penggunaan BBM elektronik seperti komputer dalam pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja membantu pensyarah mencapai objektif pedagogi malah ia juga memberi peluang kepada pelajar mencuba cara pembelajaran yang baru. Pembelajaran elektronik dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu pendekatan yang bertujuan untuk memudahkan lagi pemahaman pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar, aspek BBM seperti media merupakan suatu alat bantu yang sangat penting. Selain itu, Abd al-Alim (1978) menjelaskan bahawa BBM seperti media sangat penting kerana dapat membangkitkan rasa senang dan gembira para pelajar dan memperbaharui semangat mereka, menimbulkan rasa suka hati mereka, dan dapat memantapkan pengetahuan.

Menurut Kamarudin (1994), kepentingan BBM dalam proses P&P ialah BBM dapat menyediakan dasar yang kukuh untuk perkembangan kefahaman dan corak pemikiran dan mengurangkan gerak balas lisan yang tidak diperlukan daripada pelajar. Selain itu, BBM juga dapat memberi rangsangan kepada pelajar semasa proses P&P sedang dijalankan. Tambahan pula, BBM menyediakan pengalaman baru yang tidak diperoleh dengan mudah oleh cara-cara lain. BBM menjadikan pembelajaran pelajar lebih mendalam dan seragam. BBM secara tidak langsung dapat menguatkan kefahaman dan mempercepat perkembangan perbendaharaan kata dalam sesuatu subjek. Manakala menurut Mok Soon Sang (2001), penggunaan BBM perlu dipelbagaikan dengan kaedah dan teknik mengajar agar pengajaran dijalankan dengan berkesan, menarik perhatian, menjimatkan masa dan tenaga serta menghasilkan pembelajaran yang lebih menarik dan menyeronokkan.

Kesimpulan

Adaptasi peralatan elektronik sebagai BBM mampu memberikan suasana pembelajaran yang baru. Hal ini bermakna teknik P&P juga akan turut berubah. Penggunaan multimedia dalam membangunkan BBM melalui komputer juga sangat mudah, menjimatkan masa serta kos. Penggunaan multimedia dalam menyampaikan isi kandungan pelajaran seperti ilustrasi gambar, animasi, video, audio boleh menarik dan mengekalkan minat, serta perhatian pelajar. Pengajaran dan pembelajaran yang efektif di dalam kelas boleh dibantu dengan BBM yang tepat dan sesuai kerana adalah sangat penting untuk melibatkan pelajar secara aktif dalam proses P&P.

Proses P&P yang efektif melibatkan pertukaran idea dan pandangan di antara guru dan pelajar. Jika dibandingkan dengan kaedah konvensional atau bukan elektronik, guru hanya menjadi “tukang suap” kepada semua isi kandungan pembelajaran. Berbeza dengan kaedah moden, dengan penggunaan BBM secara elektronik, panyarah hanyalah seorang fasilitator kepada pelajar. Pilihan BBM yang tepat boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik dan meningkatkan interaksi di antara panyarah dan pelajar. Hal ini menjurus kepada persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan selesa.

RUJUKAN

- A Chaedar Alwasilah. 2011. *Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Alias Baba. 1999. *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharuddin Aris, Rio Sumarni Shariffudin, Manimegalai Subramaniam. 2002. *Reka Bentuk Perisian Multimedia*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. 2005. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Ke-7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang. 1998. *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Muhamad Hassan Abdul Rahman. 2000. *Media pengajaran: Penghasilan bahan pengajaran berkesan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Musa Bin Sulaiman. 2000. *Fokus Kepada Inovasi Sumber Pengajaran Dan Pembelajaran*, Jabatan Pengajian Melayu.
- Rafiei Mustapha. (t.t). Kajian tentang kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu sekolah menengah. Kementerian Pendidikan.
- Whitman, N. 1996. *Learning and Teaching Style: Implications for Teachers of Family Medicine*. *Fam Med*, 28; 321-325.
- Mohd Musa Bin Mahidi. 2011. Pembangunan bahan bantu mengajar berasaskan e-peta minda bertajuk “The reactivity series of metals and its applications” untuk kimia tingkatan lima. Latihan ilmiah. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Rahim Hamdan & Hayazi Mohd Yasin. 2010. Penggunaan alat bantu mengajar (ABM) di kalangan guru-guru teknikal di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor. Dicapai pada 01 Julai 2014.
http://eprints.utm.my/10879/1/Penggunaan_Alattantu_Mengajar.pdf.

**Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pembelajaran dan Pengajaran
Bahasa Arab di USIM, UNISZA dan Pusat Asasi UIAM**

e-ISSN : 2289-8042

Hairun Najuwah Jamali

Vol 2: Bil 1: Tahun 2015

Shaharom Noordin & Nur Faizah Zainal Abiden. 2010. Tahap penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan bakal guru fizik semasa latihan mengajar. Dicapai pada 03 Julai 2014.

http://eprints.utm.my/10259/2/Nur_Faizah_binti_Zainal_Abiden.pdf

Rosni Samah. 2006. *Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua Melalui Pendekatan Kosa Kata Dan Bina Ayat*. Prosiding Seminar Pendidikan Islam & Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.

Rosni Samah. 2012. Isu pembelajaran bahasa Arab. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012, p. 286-300.